

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendekatan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai Allianz Protect Platinum II – Liabiliti Para Pengarah dan Pegawai.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh:

1

Apa itu Allianz Protect Platinum II – Liabiliti Para Pengarah dan Pegawai?

Allianz Protect Platinum II - Polisi Insurans Liabiliti Para Pengarah dan Pegawai menyediakan perlindungan kewangan kepada para pengarah dan pegawai jika mereka disaman ketika melaksanakan tugas mereka. Di samping bayaran ganti rugi terhadap penghakiman atau penyelesaian, polisi ini turut membayar balik kos-kos pembelaan.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran RM1,500.00, anda menerima perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
• Para Pengarah dan Pegawai – semua kerugian akibat tuntutan terhadap para pengarah dan pegawai yang diinsuranskan kecuali dan setakat mana pihak syarikat telah menanggung rugi pihak diinsuranskan. • Pembayaran Balik Syarikat – semua kerugian akibat tuntutan terhadap para pengarah dan pegawai yang diinsuranskan setakat mana pihak syarikat telah menanggung rugi pihak diinsuranskan tersebut. • Insurans Syarikat untuk Tuntutan-tuntutan Sekuriti – semua kerugian akibat daripada sebarang tuntutan sekuriti terhadap syarikat yang diinsuranskan. • Lanjutan automatik yang berikut: • Kos-kos Perwakilan Perundangan • Had Lebihan Terlindung untuk para Pengarah Bukan Eksekutif • Perbelanjaan Perhubungan Awam • Kos Ekstradisi • Kos-kos Pendahuluan Kecemasan • Kos-kos Kesihatan dan Keselamatan dalam Pekerjaan • Para Pengarah dan Pegawai yang sudah Bersara • Kos-kos Perlindungan Pembelaan Pencemaran • Perlindungan Pencemaran Tuntutan Pemegang Saham • Pendahuluan kepada Kos-kos Pembelaan dalam masa Tiga Puluh (30) Hari • Perlindungan Anak Syarikat Baru Automatik • Penawaran Baru Sekuriti • Lanjutan Khidmat Kaunseling.	Polisi ini tidak meliputi kerugian-kerugian tertentu seperti: • Perilaku tidak jujur atau tidak wajar • Perkara-perkara dan pemberitahuan sebelum ini yang diketahui • Pihak Diinsuranskan lawan Pengecualian Pihak Diinsuranskan (diguna pakai di AS sahaja) • Akta Keselamatan Pendapatan Persaraan Pekerja 1974 (AS) • Kecederaan tubuh badan/kerosakan harta • Khidmat-khidmat Profesional • Pencemaran • Entiti Luaran • Akta Keselamatan 1933 (AS), Akta Tukaran Keselamatan 1934 (AS)

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Allianz Protect Platinum II – Liabiliti Para Pengarah dan Pegawai kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
<https://www.allianz.com.my/DO>



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
diatas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan Allianz. Untuk tujuan ilustrasi, andaikan pihak diinsurankan ialah syarikat tersenarai awam dengan hasil tahunan kurang daripada RM10,000,000, premium tahunan yang perlu dibayar untuk had liabiliti sebanyak RM1,000,000 adalah seperti berikut:-

Untuk polisi insurans ini, anda mesti membayar premium:

Premium asas	RM1,500.00
--------------	------------

Di mana ini termasuk:

Komisen	25% daripada premium atau RM375.00
---------	------------------------------------

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM120.00
--------------------	-----------------------------------

Duti Setem	RM10.00
------------	---------

* Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

4 Syarat Utama Lain

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak bagi kontrak insurans bukan pengguna (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
- Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
- Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
- Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Borang cadangan diperlukan untuk pembaharuan setiap tahun.
- Anda mesti memastikan had liabiliti anda adalah memadai untuk melindungi pendedahan risiko anda.
- Sekiranya terdapat tuntutan, anda mesti memberi notis bertulis kepada Allianz secepat mungkin semasa tempoh polisi dan, dalam apa jua keadaan, tidak lewat daripada tarikh tamat tempoh penzahiran, jika berkenaan.
- Polisi ini terpakai bagi perbuatan salah yang dilakukan dan tuntutan-tuntutan yang dibuat dan siasatan yang dijalankan, di mana-mana sahaja di dunia.
- Di mana berkenaan, had liabiliti akan dibayar selepas lebih sebarang pegangan yang terpakai.
- Anda mempunyai kewajipan untuk membela tuntutan-tuntutan dan menguruskan perwakilan di mana-mana siasatan. Kami mempunyai hak untuk bersekutu dengan anda berhubung dengan perilaku dan pengurusan sebarang tuntutan atau siasatan.
- Waranti Premium 60 hari –Premium perlu dibayar dan diterima oleh Allianz dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi insurans. Jika tidak, polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata 60 hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberikan notis bertulis kepada Allianz di mana Allianz akan mengekalkan sebahagian premium berdasarkan kadar pendek yang ditetapkan.